kan berkenaan dengan taksiran cukai pintu masih belum selesai. Sekumpulan besar hadir di Jabatan berkenaan, mereka berasa hendak mengetahui rayuan mereka. Tuan-tuan rumah itu terdiri dari berbagai kaum, ada yang datang dari kaum atasan, ada yang datang dari kaum pertengahan dan ada yang juga datang dari kaum bawahan. Mereka terpaksa berdiri sepanjang waktu pagi kerana tempat duduk tidak cukup di Pejabat Daerah. Mereka tidak pergi bekerja dan ada yang terpaksa mengambil cuti kerana hendak mengetahui keputusan rayuan masing-masing.

Kes pelanggan saya telah ditetapkan pada pukul 12.00 tengahari tetapi terpaksa ditunda hingga 1.00 petang. Kesemua kesulitan itu timbul dengan tidak ada alasan dan kadar cukai pintu dikenakan secara membabi buta oleh pihak L.P.K.T. Tegasnya tuan rumah berhak merayu kepada pihak Mahkamah untuk mendapat keadilan mereka akan tetapi beberapa ramai antara mereka ada masa, kalau ada masa pun tidak mempunyai duit atau wang untuk berbuat demikian.

Tuan Speaker, tidak ada dasar bagi pihak L.P.K.T. untuk mengenakan taksiran cukai pintu sekarang. L.P.K.T. telah mengambil kakitangan yang kurang cekap dan tidak berkelayakan untuk menaksirkan nilai sesebuah rumah dan taksiran L.P.K.T. semata-mata berpandukan kepada dasar yang kita panggil *open market rental valuation*. Pendek kata, nilai sesebuah rumah ditaksirkan mengikut sesuka hati seseorang Pegawai *at his whims and fancies*. Saya suka memberi satu contoh: Kata-lah si (a) dan si (b) masing-masing membeli sebuah rumah di dalam kawasan yang sama. Rumah si (a) seharga dengan rumah si (b) dan rumah si (a) siap dibina pada lewat tahun 1972 dan rumah si (b) siap dibina pada awal tahun 1973. Perbezannya ialah 3, 4 atau lebih 6 bulan sahaja. Di sini timbul perkara yang pelik; si (a) membayar taksiran cukai pintunya sebanyak \$170 sahaja; tetapi rumah si (b) terpaksa membayar taksiran cukai pintunya hampir tiga kali ganda iaitu hampir \$460. This is a very classic case of inequitable assessment. Tuan Speaker,

and it is a leading example throughout Province Wellesley. I do not exaggerate. Siapakah harus disalahkan Tuan Speaker? Kejadian yang diterawakan dan menjadi buah mulut orangramai sering berlaku di Seberang Perai. Pertamanya mengapa mengenakan kadar cukai pintu yang begitu tinggi? Prinsip Majlis Tempatan ialah setiap ringgit yang dikutip mestilah disalurkan balik untuk membawakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang memuaskan termasuk cukai kemajuan bagi orangramai, terutama sekali orangramai di luar bandar. Namun dengan mengenakan kadar cukai pintu yang begitu tinggi, saya masih belum menyaksikan dengan mata kepala sendiri sebarang kemajuan yang berbentuk perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik atau kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap dilaksanakan oleh L.P.K.T. di Seberang Perai.

Tuan Speaker, saya berpendapat bahawa perlantikan seramai 25 orang dalam Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai adalah semata-mata membazirkan wang rakyat. Wang yang dikutip dari rakyat telah disia-siakan dengan membeli kereta Mercedes yang besar dan baru bagi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Setiap ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah dibayar elaun sebanyak \$300 setiap bulan, tidak termasuk hak-hak istimewa seperti talipon percuma dan lain-lain. Dan lebih-lebih lagi seringkali mengadakan jamuan ringan dan juga majlis makan tengahari. Saya difahamkan ahli-ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Seberang Perai sedang berura-ura hendak membua' lawatan ke Singapura dalam sedikit hari lagi. Tuan Speaker, kalau perkara ini benar, saya suka merayu kepada Yang Amat Berhormat supaya menghalang lawatan itu dan seterusnya mem-berhentikan perbuatan membazirkan wang rakyat itu.

Tuan Speaker, saya masih ingin menyentuh taksiran cukai pintu dengan lebih mendalam sedikit. Menurut Undang-undang Municipal rumah-rumah yang diduduki oleh tuan rumah sendiri adalah diberikan *discount* atau *rebate* sebanyak 50%. Praktis ini dijalankan di Pulau Pinang tetapi tidak diamalkan

di Seberang Perai. Pengerusi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah memberitahu saya bahawa beliau enggan menguatkuasakan Undang-undang Municipal itu berkenaan perkara ini di Seberang Perai sebab langkah ini akan mengurangkan kutipan cukai pintu bagi pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Betulkah Tuan Speaker, saya tanya? Tuan Speaker, Undang-undang Municipal, kalau saya fahamkan telah ditetapkan bertujuan meliputi seluruh Negeri Pulau Pinang dan sekiranya Pulau Pinang menguatkuasakan undang-undang tersebut, tidak ada sebab mengapa undang-undang yang sama tidak boleh dikuatkuasakan oleh pihak Lembaga Kerajaan Tempatan di Seberang Perai.

Tuan Speaker, sekarang saya hendak beralih sedikit kepada kesusahan penghidupan penjaja-penjaja di Seberang Perai. Kita sedia maklum bahawa penjaja sedang menghadapi kesulitan dari pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai. Lesen-lesen amat susah hendak diminta. Sebagaimana yang kita mengetahui taraf hidup semakin tinggi, rakyat sedang menghadapi kesulitan inflasi dan pemberhentian pekerja selalu berlaku dalam Negeri Pulau Pinang. Mengapa tidak berikan lesen-lesen kepada mereka yang hanya cuba mencari kehidupan yang halal? Tuan Speaker, they too have to make an honest living. Is it so wrong for them to hawk by the roadside? Even then, Tuan Speaker, those who have licences that expire at the end of the year do not have their licences renewed automatically. Before a renewal can be approved all sorts of stringent conditions must be adhered to by the hawkers. Tuan Speaker, sekarang saya nampak rakyat yang hendak mencari makan dengan cara halal sebagai penjaja seringkali diberkas oleh polis dan dihadapkan ke Mahkamah oleh pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, jadi penjaja-penjaja itu dihukum dengan berat. Macam Ahli Yang Berhormat Kawasan Bagan Jermal telah kata tadi dalam enam bulan 600 kes telah dibuat di hadapan Mahkamah di Seberang Perai. Mampukah mereka menjelaskan denda itu tanpa menambab bebanan hidup mereka?

Tuan Speaker, saya suka berkata sedikit di atas perkara nyamuk. Baru-baru ini pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Seberang Perai telah melancarkan satu kempen untuk menghapuskan deman denggi di kawasan Seberang Perai. Perbuatan ini hanya membesarkan perkara yang tidak pada tempatnya—just like making a mountain out of a molehill. Saya bersetuju banyak nyamuk membiak di seluruh Pulau Pinang amnya dan di kawasan Seberang Perai khususnya. Kejadian itu disebabkan oleh kecuaiian dan sikap acuh tak acuh oleh pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dalam menghadapi masalah ini. Saya pernah beberapa kali meminta pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan membekalkan tong-tong sampah. Permintaan saya telah diketepikan. Sebenarnya kebanyakan tuan-tuan rumah terpaksa membeli tong tong sampah sendiri. Sampah-sarap dikutip oleh tukang sampah dari rumah ke rumah dan kemudian sampah-sarap itu dibuangkan di satu tempat yang terbuka yang terdapat dekat dengan kawasan perumahan. Sampah-sarap itu akan dikutip oleh lori sampah tetapi Tuan Speaker, sekiranya lori sampah itu tidak muncul khususnya pada hujung minggu, kawasan perumahan itu akan berbau busuk. Saya pernah menyampaikan keadaan itu kepada pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan beberapa kali tetapi rayuan saya tidak mendapat sebarang jawapan. Mengapa membazirkan banyak wang dan membuang banyak masa untuk merancang satu kempen yang sebenarnya dapat diketahui, sebab pokoknya berhubung dengan tempat nyamuk membiak? Mengapa pula diheboh-hebohkan dengan membakar *effigy* nyamuk *Aedes*. Tuan Speaker, saya bercadang lebih baik kita membakar patung Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan mengubahkannya dengan sertamerta.

Mengapa disebut-sebutkan tentang penubuhan Mahkamah Khas untuk mengadili kes-kes rumah haram dan mendakwa penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen? Lebih baik Tuan Speaker, kita menubuh sebuah Mahkamah Khas untuk membicarakan praktis salah serta pentadbiran silap

dan lemah pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Kita sedia maklum Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan terdiri dari anggota-anggota yang tidak dipilih oleh rakyat. Oleh yang demikian, mereka tidak seharusnya bertanggungjawab terhadap kebahagian rakyat, kecuali kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Lebih-lebih lagi anggota-anggota Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan terdiri dari penyokong-penyokong parti tertentu dan beberapa orang penaung parti itu. Prinsip pokok Kerajaan Tempatan telah lenyap kalau ahli-ahlinya dilantik dan bukan dipilih oleh rakyat, as recommended in the Athi Nahappan Report. Walaubagaimanapun Tuan Speaker, ahli-ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mestilah terdiri dari wakil-wakil rakyat. Setakat ini pihak suratkhbar pun diharamkan mengahaziri mesyuarat Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Sepatutnya Tuan Speaker, mesyuarat Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan hendaklah terbuka kepada orangramai termasuk pihak suratkhbar. I am sure the Honourable Member from Ayer Itam will agree with me on this point. Tuan Speaker, kesimpulannya, wujudnya Majlis Tempatan yang dipilih oleh rakyat adalah perlu. Oleh sebab itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan menghapuskan sistem Majlis Tempatan sekarang dan mengadakan satu pilihanraya untuk menubuhkan sebuah Majlis Tempatan yang lebih sempurna.

Tuan Speaker, saya ingat sekarang saya hendak bercakap sedikit di atas perkara Majlis Tindakan Daerah sebab banyak telah saya katakan tentang Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Jawatankuasa Tindakan Daerah itu adalah satu saluran yang sangat berguna kerana ia mengwujudkan satu dailog di antara rakyat dan wakil rakyat dan pihak Kerajaan. Acapkali saya dapati banyak perbincangan dan taklimat berlangsung dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah tetapi langkah-langkah berkesan jarang-jarang diambil. Saya minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengarahkan semua Ketua-ketua Jabatan Kerajaan wajib mengahaziri diri dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Tindakan

Daerah dan tidak boleh semata-mata hantar wakil-wakilnya. This is in line with the call by the Honourable Prime Minister who after May 13th has formed this District Action Committee and he has directed that all heads of departments should attend meetings and not just send their representatives, so that action can be taken on the spot. If representatives are sent they have to report back to their heads and the heads will have to send them back after making the decisions. Time is wasted. Tuan Speaker, as I have said, a lot of decisions have been made but no action taken sometimes for the simple reason that the department concerned is short of funds. As such, I call on the Government to set aside a special fund for each District Action Committee throughout the State so that decisions taken on small projects can be implemented without delay.

Tuan Speaker: Yang Berhormat saya tumpang bertanya, panjangkah lagi?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Saya ingat saya boleh habis dalam sepuluh minit.

Tuan Speaker: Sepuluh minit?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Ya.

Tuan Speaker: Terimakasih. Tolong bagi pendik sedikit.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Baik. Tuan Speaker, banyak perkara telah dicakapkan di atas perkara rumah-rumah murah di Negeri kita. Saya ada sedikit hendak bercakap juga. Setakat ini masih terdapat kekurangan rumah murah di seluruh Pulau Pinang amnya dan kawasan Seberang Perai khususnya. Saya pernah menimbulkan perkara ini dalam persidangan pertama di Dewan ini tetapi sejak masa itu Kerajaan Negeri masih belum memulakan sebarang projek untuk mendirikan rumah-rumah murah. Rumah-rumah yang didirikan oleh pihak P.D.C. di kawasan Bayan Lepas dan Bagan Serai tidak boleh dianggap sebagai projek rumah murah. Harganya melampaui \$20,000 bagi sebuah rumah, yang kaum pertengahan juga tidak mampu mem-

beli rumah-rumah tersebut, dan jauh sekali bagi kaum dari bawahan. Perkara ini telah menimbulkan perasaan sangsi dalam kepala setiap rakyat jika pihak P.D.C. melibatkan diri dalam projek itu untuk mencari keuntungan. Oleh kerana keadaan mendesak, saya meminta pihak Kerajaan Negeri benar-benar menumpukan perhatian kepada membina projek rumah-rumah dalam ertikata yang sebenarnya supaya dapat mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh kaum bawahan dalam Negeri Pulau Pinang. Tuan Speaker, saya difahamkan ramai pemohon-pemohon untuk meminta rumah-rumah yang murah didirikan di kawasan tersebut tadi telah menarik balik permohonan mereka kerana harga tidak realistik dan sangat tinggi. Dan juga pinjaman wang mereka tidak dapat diluluskan.

Tuan Speaker, sekali disebutkan tidak ada sebarang projek pembangunan terdapat di kawasan Seberang Perai amnya dan daerah Bukit Mertajam khasnya walaupun kami adalah sebahagian dari Negeri Pulau Pinang. Jalan-jalan raya di Seberang Perai buruk dan menyedihkan. Permukaan jalan berlobang-lobang dan lekak-lekuk. Permukaan jalanraya yang telah digali tidak ditimbus balik selama beberapa bulan dan keadaan ini boleh menyulitkan pengguna-pengguna jalan. For example, near Jalan Stowell dan Jalan Megat Harun, di mana Tuan Speaker tinggal, the Telecoms has been digging up the road for four to six months and nothing has been done to resurface the road. The Telecoms says that the responsibility is with the J.K.R. and J.K.R. says that it is the responsibility of the Telecoms or the contractors. So there we have a situation where they kick the ball, play football, pass the ball. And in the meantime who are the victims? The public are the victims because accidents will happen. Is this the situation the Government is going to allow to prevail?

Tuan Speaker, saya berpendapat Ketua Menteri kita adalah seorang Menteri yang menghabiskan banyak masa dalam melancang ke luar Malaysia. Sejak pilihanraya yang lalu Yang Amat Berhormat telah dua kali membuat lawatan ke Negeri Australia.

Lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat baru-baru ini ke Adelaide termasuk rombongan yang terdiri dari lebih 166 orang adalah semata-mata membazirkan wang rakyat. Apakah faedah yang kita peroleh? Tuan Speaker, kini kita menghadapi masalah-masalah inflasi. Wang yang dihabiskan dalam lawatan itu adalah lebih berfaedah jika digunakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Lebih-lebih lagi orang-orang yang tidak bersangkutpaut dengan Minggu Pulau Pinang juga turut serta. Saya ingin mendesak pihak Kerajaan Negeri janganlah membuat lawatan yang tidak perlu supaya wang rakyat tidak akan dibazirkan selanjutnya.

Tuan Speaker, bangunan Mahkamah yang terletak di daerah Bukit Mertajam adalah sebuah bangunan yang uzur sekali diseluruh Negara. Saya difahamkan Kementerian berkenaan telah memperuntukkan wang bagi membina bangunan Mahkamah baru, tetapi projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana tapak tanah Kerajaan Negeri tidak dapat. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mencari sekeping tanah untuk membina sebuah Mahkamah yang baru di Seberang Perai dan di Bukit Mertajam. Tuan Speaker, pada hal ini saya ingin meminta pihak Kerajaan Negeri menyemak semula senarai nama orang-orang yang dilantik sebagai Penasihat menurut Undang-undang Mahkamah Belia Belasan Tahun. That is under the Juvenile Court Ordinance, 1947. Tuan Speaker, dengan izin: I have seen that the same people have been serving on the Panel under the Juvenile Court Ordinance. These people must be so fed up that they don't even attend Court when called upon to do so. So I suggest, Tuan Speaker, that the Government look into this problem, and that the Juvenile Court Ordinance be amended so that the people who serve on the Panel under the Juvenile Court Ordinance may be paid an allowance when they attend Court as advisers.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Berkuasa Air hendaklah mengandungi penduduk-penduduk dari Seberang Perai. Nyatalah dalam perkara ini pihak Kerajaan

Negeri telah berpihak kepada penghuni-penghuni Pulau Pinang dan membezakan rakyat Seberang Perai. Di samping itu, saya ingin meminta pihak berkuasa memasang paip-paip air berdiri di tepi jalan khususnya bagi penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, ada panjang lagikah?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Lagi 5 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.35 petang.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, dengan izin. I was under the topic of Penang Water Authority. Tuan Speaker, tandas-tandas umum dalam Negeri ini sangat kotor sekali dan berbau hancing. Keadaan itu tidak dihiraukan oleh pihak yang berkenaan. Ada setengah-setengahnya tidak sesuai langsung untuk digunakan oleh orangramai.

Tuan Speaker, saya telah difahamkan iaitu beberapa tempat dalam Mukim 6, 7, 9, 11, 13, 14, 15 dan satu lot dalam Mukim 16 di kawasan Daerah Bukit Mertajam telah dimasukkan ke kawasan pengawalan taliair semenjak tahun 1974. Walaupun perkara ini telah diumumkan dalam Surat-khabar Kerajaan pada tahun 1974, tetapi ianya tidak diketahui oleh orangramai, terutama sekali tuan-tuan tanah tersebut. Tiba-tiba mereka mendapat tahu bahawa mereka dikehendaki membayar cukai parit bagi tahun yang lalu. Selain dari itu pula, mereka juga membayar cukai tanah atau *quit rent*, lebih-lebih lagi setiap tahun tuan tanah dikenakan denda oleh kerana mereka tidak menjelaskan cukai parit bagi tahun yang lalu. Perbuatan ini adalah sangat tidak adil. Sebab yang pertama ialah tuan-tuan tanah tidak tahu yang tanah-tanah mereka telah dimasukkan ke kawasan pengawalan taliair; dan yang kedua, mereka dihukum atas kesalahan yang mereka tidak pernah lakukan. Saya menggesa

pihak Kerajaan Negeri supaya mengarahkan Jabatan yang berkenaan memulangkan wang denda kepada tuan-tuan tanah yang telah didenda dan juga meninjau pendapat tuan-tuan tanah samada tanah-tanah mereka hendak dimasukkan ke kawasan pengawalan taliair atau tidak. Kita tidak boleh semata-mata merampas hak asasi mereka.

Tuan Speaker, setakat ini pentadbiran mengenai Jabatan *Registry of Deeds*, Pulau Pinang, masih belum diperbaiki lagi. Suatu pindamilik mengambil masa lebih-kurang 6 bulan sebelum didaftarkan. Ini adalah kerana kekurangan kakitangan dalam Jabatan berkenaan. Pembayaran pendaftaran telah dinaikkan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kelmarin dalam soal jawab kita sudah banyak berbincang perkara ini. Saya ingat kita tidak payah bawa pula perkara ini sekali lagi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, saya ingat kita belum lagi berbincang mengenai ini.

Tuan Speaker: Dalam masa soal jawab kelmarinpun ada.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Itu Pejabat Hakmilik Tanah. Ini *Registry of Deeds*—tidak serupa. Ini adalah kerana kekurangan kakitangan dalam Jabatan berkenaan. Bayaran pendaftaran telah dinaikkan lebih daripada 10%. Oleh hal yang demikian, lebih banyak kakitangan baru mesti diambil supaya kerja yang terbengkalai dapat diselesaikan.

Tuan Speaker, dengan izin. The queues at both ends of the ferry terminus are becoming a nightmare to the public. Work on the new terminus should be speeded up.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, itu adalah tanggungan P.P.C. Saya ingat tidak payah dibawa perkara ini oleh kerana ianya tidak bersangkutan dengan Kerajaan. Ianya di bawah P.P.C. Saya tidak benarkan perkara itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Boleh, Tuan Speaker, saya tidak mahu cakap itu lagi.

Tuan Speaker, pihak Kerajaan Negeri masih belum mengambil langkah-langkah yang wajar untuk membuka tanah-tanah baru atau berikhtiar mencari tanah-tanah yang sesuai supaya rakyat Negeri ini dapat menceburkan diri dalam rancangan Buku Hijau. Perdana Menteri kita pernah menyatakan bahawa setiap rakyat hendaklah berusaha sedaya-upaya dengan melibatkan diri dalam projek Buku Hijau. Tuan Speaker, sekiranya pihak Kerajaan Negeri sungguh-sungguh mahukan Negeri ini menjayakan rancangan Buku Hijau, Kerajaan Negeri mestilah meluluskan permohonan orang-orang yang meminta tanah dengan segera khasnya daripada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Speaker, dengan izin. I wish to say something on tourism. It has been brought to my notice, Tuan Speaker, that certain tour organisations have employed foreigners to be tourist guides to take tourists around Penang. Surely Penang can have people who are qualified, who are better-versed on the places of attraction in Penang. It has been brought to my notice that tourist guides from Thailand and Germany are employed by certain tourist organisations in Penang. This, I feel, is very wrong, Tuan Speaker.

Sir, as has been brought up earlier by Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal, I think, a certain Exco Member had threatened the people in the Chinese Press for petitioning against the Government in the Urban Centre. If this is true, I regret it very much as this comes from a Member of the Government whom I consider to be a very responsible person.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Experienced member.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Can I clarify?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): You will have a chance to reply afterwards.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, saya mengucapkan ribuan terimakasih kerana memberi peluang kepada saya menjawab masaalah ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Jawapan atau Clarification?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Clarification.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik S. P. Chelliah): Ulasalah. You busy-body tak usahlah.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Keterangan. Saya minta izin.

You see, unfortunately I cannot be responsible for what is captioned in the papers. Anyway, I have already made a clarification and if Honourable Members on the opposite side of the House were to read the clarification, they should know and should not take this as an issue of something obviously miscarried by the Press.

Tuan Speaker: Baiklah, saya tidak benarkan disebut perkara itu lagi.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): What I am trying to say, Tuan Speaker, is that the petition is nothing. Even any member of the public can petition against the Assembly under the Standing Order; the public has got the basic right to petition the Government. And in this connection, Tuan Speaker, I call upon the Government to treat the people living in the Urban Centre with more fairness. If they have a complaint, at least listen to their complaint; and, for those who have accepted the Government's offer to move out of the area, as the said land is acquired by the Government for the Urban Centre project, then fair compensation should be given to them.

Tuan Speaker, I have one more topic, that is re Bagan Serai, Seberang Perai. I must say that the whole project and the whole idea is a failure. If I am not mistaken, the land was acquired for some \$8 million by the Government; and the manner and the speed by which

the land was acquired for this purpose is even criticised by the Auditor-General in his Annual Report. The Government has talked of transferring district hospitals, court houses and other statutory bodies to the area but to date nothing has happened. Even the so-called low-cost houses built in that area are a failure. And industrial-wise, to date, according to the Honourable the Chief Minister's own admission, there is only one factory operating in the said area. In short, Mr Speaker, I feel that the \$8 million has been wasted on this project. In the circumstances, Tuan Speaker, in view of the shortcoming of the Government in its administration I regret I cannot support this motion. Terimakasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor di atas ucapannya. Beliau telah berucap perkara-perkara berkenaan dengan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Beliau juga telah menyebut tentang keamanan dan keselamatan di Negeri kita, rancangan Buku Hijau, perkara berkenaan kerjasama di antara negeri-negeri yang berdekatan yang mana kerjasama ini sangatlah penting kerana ini akan mengurangkan perbelanjaan pentadbiran dan juga membawa pengetahuan terutama sekali kepada Negeri, dan juga rancangan-rancangan yang terbaik sekali akan dimulakan.

Tuan Yang Terutama Gabnor juga telah menyebut tentang dasar-dasar Kerajaan berkenaan dengan *rural industrialisation* dan *rural urbanisation*. Kerajaan Negeri hendaklah dipuji di atas kemajuan yang dijalankan di Bagan Serai dan Bayan Lepas. Tetapi saya juga meminta Kerajaan Negeri membaiki keadaan di kampung-kampung dan bandar-bandar yang sedia ada.

Saya suka menyebut bahawa di kampung Bagan Dalam, Kampung Perlis dan Kampung Musang, yang mana terkandung dalam kawasan Butterworth, iaitu sebahagian darinya adalah kawasan luar bandar dalam kawasan bandar, keadaan kesihatan di kampung-kam-

pung itu adalah tidak memuaskan hati. Banyak kerja boleh dibuat untuk memperbaiki keadaan di kampung-kampung itu.

Kerajaan telah melancarkan satu peperangan untuk menghapuskan nyamuk. Saya yakin bahawa Kerajaan akan menggunakan ubat dengan cara yang besar sekali untuk menghapuskan nyamuk di tempat-tempat di mana nyamuk-nyamuk terus membiak. Tetapi untuk menjayakan peperangan ini, rakyat hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan dan rakyat boleh menolong dengan membuang botol-botol dan tinton di tong sampah dan bukan di kawasan di mana air boleh bertakung, dan juga memberi perhatian kepada kebersihan dan kesihatan.

Datuk Yang Dipertua, Rancangan Buku Hijau akan dapatkan hasil yang baik jika disokong, dengan semangat, oleh rakyat. Kerajaan boleh menolong dengan memberi tanah di mana-mana didapati dan juga dengan memberi nasihat dan juga dengan memberi rancangan ini. Tetapi yang sebenarnya kerja-kerja di atas tanah itu hendaklah dibuat oleh rakyat. Jika tanah-tanah di kampung dan kawasan luar bandar digunakan untuk rancangan ini, bukan sahaja penduduk-penduduk di situ boleh berusaha dengan apa-apa yang didapati dari tanah, tetapi juga boleh menolong penduduk-penduduk di kawasan bandar dengan hasil mereka. Walaupun tanah-tanah di kawasan bandar tidak banyak untuk rancangan ini kami boleh menolong dengan menggantikan pasu-pasu bunga untuk menanam sayur-sayuran seperti tomato, terung dan sebagainya. Dengan ini kami tidak sahaja menanam untuk kegunaan rumah tetapi juga kami menolong untuk mengurangkan inflasi.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah dipuji kerana telah memajukan pembangunan beberapa kilang di Negeri kita dan oleh itu tidak sahaja menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri yang terkemuka tetapi juga mengadakan pekerjaan kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di Negara kita. Juga, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor bahawa 70

kilang lagi akan didirikan di Negeri ini dan bahawa tenaga lebihkurang 61,400 orang akan dapat digunakan. Saya yakin bahawa apabila kilang-kilang ini telah ditubuhkan dan pekerja-pekerja digunakan, Kerajaan Negeri akan dapat menasihatkan Kerajaan Persekutuan bahawa dasar-dasarnya diikuti dengan menggunakan pekerja-pekerja di Negeri ini, iaitu lebihkurang 40 peratus Bumi-putera, 40 peratus orang Cina dan 20 peratus orang India.

Kita semua tahu bahawa pengangguran adalah tertinggi di antara kaum-kaum India di Semenanjung Malaysia dan untuk menjadikan satu masyarakat yang adil dan saksama kami tidak boleh mengizinkan perkara pengangguran ini berlanjutan, dan kami juga tidak boleh menjadikan satu masyarakat yang adil dan saksama jika sesuatu bahagian masyarakat ini ditinggalkan belakang.

Dengan izin: Datuk Yang Dipertua, though this subject may not particularly be connected with the State Government I would urge upon the State Government, in particular Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, to bring this to the notice of the relevant Ministry and authority to rectify this. The State of Penang has developed in population a great deal within the past 30 years and the economy has also increased in extent. Civil litigation has also increased but the Sessions Court Presidents and Magistrates in the State of Penang have continued to be in the same number as they were immediately after the Japanese Occupation. There is only one Sessions Court President and there are two Magistrates in the whole of Penang Island to look after the Courts, including George Town as well as Balik Pulau. And there is only one Sessions Court President and one Magistrate to look after the three courts in Province Wellesley—Butterworth, Bukit Mertajam and Nibong Tebal—as a result of which cases which have now been mentioned are fixed for hearing not this year, not next year but the year after, 1977. And when I was down at Butterworth just a few days ago there was a case fixed for hearing in January 1977.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Dalam, keadaan yang begitu saya tidak boleh ambil keputusan tetapi oleh sebab Yang Berhormat dari Bagan Dalam telah meminta dengan saya bolehlah benarkan, tetapi tidak payahlah panjang sangat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): I am finishing, Datuk Yang Dipertua. As I had said earlier, this is not directly connected with the State Government. But since we are interested in the development of the public here, and it is only the litigants who go to Court who feel the frustration of having to wait for over two years, if at all they are likely to get their cases set. Under the circumstances I would request Yang Amat Berhormat Ketua Menteri to take this matter up with the relevant authority.

Thank you.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Tuan Speaker, saya meminta izin, kalau di mana saya tidak boleh berucap dalam bahasa Malaysia, saya ucapkan dalam bahasa Inggeris. Saya pun serupa dengan Ahli Kawasan Bagan Jermal dan ucapan dalam bahasa Malaysia pun kurang baik, tetapi adalah sedikit tidak serupa. Saya pun tidak kira dalam Kerajaan Negeri adakah terpaksa berucap dalam bahasa Malaysia. Jawapan saya pun tidak berapa panjang—pendek sedikit—dan semasa ucapan Ahli Kawasan Bagan Jermal dan Ahli Kawasan Bukit Mertajam, I am very happy to note that both Yang Berhormat from Kawasan Bagan Jermal and Bukit Mertajam are very concerned over perumahan murah atau rumah pangsa atau rumah kilat. Membuat ucapan mengenai rumah pangsa atau rumah kilat atau rumah murah itu kiranya amat senang, tetapi kalau kita mahu buat rumah pangsa, itu betul-betul kita ada masalah yang banyak, tetapi masalah yang besar dan mustahak sekali ialah wang. Di mana kita mahu cari wang untuk membuat rumah pangsa atau rumah murah? Tetapi itu tidak apa; itu tanggungan Kerajaan Negeri. Tetapi saya tidak suka dengar Ahli Kawasan Bagan Jermal's

insinuation on the part that nothing is being done by the Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri duduk sen-gap, apapun tidak buat and having no concern for the poor people?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, bolehkah saya minta satu *clarification*? Apa yang saya cakapkan di sini bukan Kerajaan tidak buat apapun. Saya tidak berkata Kerajaan membuat *lip service* tetapi saya katakan bahawa sebuah rumah murah tidak dibuat. Inilah yang saya cakapkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Maybe for his information, Rome was not built in one day; kena tunggulah sedikit. Sekarang kita mahu beritahu Ahli-ahli daripada Kawasan Bagan Jermal dan Bukit Mertajam iaitu dalam Kerajaan Negeri kita pun ada dasar-dasar cadangan perumahan murah bagi Negeri Pulau Pinang untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini ada dalam lima daerah. Di Bagan Ajam rancangan itu hampir siap. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga di Daerah Timur Laut ada tiga rancangan; di Sungai Nibong ada 40 buah rumah pangsa empat tingkat, dan mempunyai 80 yunit seblok dan di Bukit Glugor ada tujuh blok rumah pangsa empat tingkat dan mempunyai 80 yunit seblok.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ketua Menteri berkata lebihkurang duapuluh kali.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya sudah bagi peluang Ahli daripada Bagan Jermal bercakap.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Tidak apa, saya pun tidak dengar, dia boleh. Saya suka dengar dia cakap. Di Batu Lintang Road pun ada tujuh blok dan di Daerah Barat Daya ada empat tempat yang akan dibuat: Simpang Tiga: Ayer Putih, Teluk Kumbar; Bayan Lepas; Relau dan akhir sekali Pondok Upeh, Balik Pulau. Dan lagi satu di Daerah Butterworth: Kuala Muda dan Bagan Ajam. Bagan Ajam—mahu beritahu Ahli Kawasan Bagan Jermal (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Lagi Kawasan Bagan Ajam.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Lima blok rumah pangsa empat tingkat dan mempunyai 80 yunit tiap-tiap blok rumah papan jenis kampung. Inipun mahukan belanja sebanyak \$4 juta dan \$1 juta—jadi jumlah itu \$5 juta dalam Bagan Ajam. Ada lagi satu daerah iaitu Bukit Mertajam di mana ada juga (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Inilah *lip service*.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Ada lagi mahu cakap?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sorry. I say it is *lip service*. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sebanyak (*gangguan*).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, sila duduk.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dia mahu beri saya peluang *clarify* saya boleh *clarify*-lah. Saya tentu *clarify* kalau dia mahu beri peluang kepada saya.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat sila duduk.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Daerah Bukit Mertajam: di Berapit, Bukit Tengah, Tanah Liat, Simpang Berapit, Kampong Baru dan Alma.

Daerah Nibong Tebal: Kampong Sibu, Tanjong Merambang dan Permatang Ara.

Masa ini rancangan-rancangan ini termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sudah menjawab tidak masuk. Di sini pun ada satu rancangan akan dibuat di Kampong Melayu. Di situ akan dibuat sebanyak (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Seribu dibuat di sini. Jawapan ada di sini.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Ada beberapa yunit di sana.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Seribu. Akan datang, 50 tahun.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Saya sudah baca. Tengoklah, saya sudah tahu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Sudah tahu, sudah bolehlah. Tetapi ini saya sudah kata masalah besar sekali. Ini mahu beri wang di mana? Rancangan-rancangan rumah murah bagi Negeri Pulau Pinang memerlukan perbelanjaan sebanyak \$64 juta. Masa itu susah, bukan *lip service* atau itu semua. Apa mahu buat? Jikalau kita hendak buat sebuah rumah dengan kertas itu senang sekali.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, boleh buat *clarification*?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Tidak boleh (*ketawa*). Ada banyak peluang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Jangan takut *clarification*.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Saya tidak takut apa-apa.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Bukan takutlah. You want to talk nonsense, that's all.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Tetapi ini satu yunit. Kerajaan Negeri pun utukkan belanja *approximate*. Belanja ini tidak tahu samada Ahli Kawasan Bagan Jermal ada lagi mahu cakap tetapi *approximate price* ialah \$8,000 hingga \$10,000. Pada masa itu, saya ingat jikalau ini boleh diluluskan rakyat di sini—*lower income group living in Penang*—boleh dapat cukup faedah. Dengan itu, terimakasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam Usul mengucapkan terimakasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor, Pulau Pinang.

Pagi tadi kita telah mendengar dalam Dewan ini satu seruan dari Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan

Jermal yang telah meminta kita—saya minta izin menyebutkan dalam bahasa Inggeris—‘*treat our discussion with seriousness and with decorum*’. Tetapi selepas Yang Berhormat itu berkata demikian, beliau telah berkata kepada Ketua Menteri sekiranya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan membuat *character insinuation* beliau akan mengambil kasutnya dan akan meluntarkannya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya sudah *withdraw*, betulkah? Kalau saya sudah *withdraw* dia boleh cakapkah? Betulkah Tuan Speaker?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Beliau telah membuat satu tuduhan yang sedemikian. Jadi saya rasa kesal atas kelakuan ataupun sikap yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Apabila kita melihat sikap yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat itu pagi tadi dan juga sebentar ini, kita tidak payahlah gunakan perkataan ‘bodoh’ oleh sebab perkataan ‘bodoh’ boleh diertikan di Negeri Tonga seorang yang pandai. Tetapi kalau boleh kita gunakan satu perkataan yang baru iaitu gunakan perkataan ‘dungu’ ataupun ‘tolol’ di kawasan ini.

Ada dua atau tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal iaitu berkenaan dengan Adelaide-Penang Week di Adelaide. Saya terimalah ucapan pujian daripada Ahli Kawasan Bagan Jermal mengatakan organisasi ataupun pentadbiran yang Kerajaan Negeri telah buat adalah sangat baik tetapi polisi itupun kami telah terima jika sekiranya kami tidak menerima polisi tersebut kami tidak akan menjalankan rancangan yang kami telah jalankan.

Ahli daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam telah mengatakan wang yang kita belanjakan adalah membazir pada masa sekarang. Kalau kita bandingkan dengan wang-wang yang kita boleh mendapat publisiti seumpama yang kita dapat di Negeri Australia ini boleh di-

katakan terlampau sedikit sangat. Untuk maklumat Ahli-ahli daripada Pembangkang saya tunjukkan di sini: “New Tours to Coincide with South Australia-Penang Week. Win Free Ticket to Penang”; dan juga di sini dalam suratkarbar “The News” bertarikh 27hb Februari, “South Australia-Penang Week a Hit”; dan pada tiap-tiap hari dalam suratkarbar “The News” selama seminggu kami adakan satu advertisement—di sebelah ini diberikan percuma; di sini “It’s a Penang Week”, dan juga ini misalnya kami tunjukkan “Dining—Penang Style”; di sini “Penang, Playground in Asia—Host of Happenings planned for Penang Week”; “Banquet Tonight—A Highlight of Penang Activity”; “South Australia Joins Trade Venture”. Inilah yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan dalam suratkarbar untuk wanita kami telah adakan satu “Knitter Day”—a magazine for women dan “Review Penang”. Dan juga untuk batik daripada Negeri Pulau Pinang—“Batik is Beautiful”.

Tadi Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal telah mengatakan Adelaide adalah sebuah bandar ‘*agricultural fishing village*’. Ini menunjukkan kekurangan pengetahuan ilmu alam Ahli Kawasan Bagan Jermal oleh sebab itu saya suka juga, kalau Tuan Speaker izinkan, menghadiahkan dua buah buku “Adelaide Festival” dan juga berkenaan dengan South Australia yang menunjukkan bahawa Adelaide ataupun South Australia ini bukanlah satu kawasan yang mundur. Berkenaan dengan (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Pinjamkan sayakah?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Beri free.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Free? Terimakasih. At least criticism won me these two books.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Jadi berkenaan dengan perkara-perkara jalan-jalan yang telah dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam dan juga daripada Bagan Jermal, di sini saya suka juga merujuk kepada *paragraph* 20 dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor—perkataan yang akhir: “Lebih-lebih lagi Jawatankuasa Kerja Negeri”

Ahli Kawasan Bagan Jermal boleh saya merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Boleh.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): “Lebih-lebih lagi Jawatankuasa Kerja Negeri akan melaksanakan satu rancangan untuk membina jalan-jalan raya utama dan ja'an-jalan kecil, dengan lebih giat lagi di dalam Negeri ini melalui Jabatan Kerja Raya atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan melalui perundingan yang rapat dengan kedua-dua buah Lembaga-Lembaga Kerajaan Tempatan yang disatukan.” Pada bulan Januari, Kerajaan Negeri telah menuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kerajaan Negeri yangmana tugas penting Jawatankuasa ini ialah untuk merancang satu polisi bagi mengadakan siapakah yang akan patut dilantik sebagai Pihak Berkuasa Jalan-jalan di Negeri Pulau Pinang—di Pulau ini—jalan-jalan di luar daripada kawasan yang lama itu ialah ditanggungkan, pada masa sekarang, oleh Jabatan Kerja Raya dan dalam kawasan City Council ialah ditanggungkan oleh City Council dan di Seberang Perai ditanggungkan oleh Jabatan Kerja Raya. Jadi Jawatankuasa ini akan membincangkan dan akan menetapkan satu polisi supaya jalan-jalan di Seberang Perai dan juga di Pulau Pinang—di Pulau ini—akan diserahkan kepada Lembaga-lembaga yang tersebut.

Mr Speaker, Sir, he asked as though he is an expert in that kind of thing. He went on further also: He asked why is it that P.D.C. holds so many shares in other companies. Mr Speaker, Sir, in general company management it is normal practice when you negotiate to take over full control of a company for the company directors. I am told, to come to an agreement so that it can be settled quickly and if they consider that the matter can be settled at whatever costs, they would settle it and it is amicably done and is done quickly within the framework of the company. As to the reason why the Penang Development Corporation owns shares in the Humes and also shares in M.I.S.C., the Honourable Member jumped, 'What is so special about this company? Why pick these shares and not others?' Mr Speaker, Sir, as in the case of Adelaide, we were picked and not we picked others; we had value and people came to see us. The Penang Development Corporation impressed the confidence of the companies and it impressed the confidence of the Federal Government. It is accorded and listed as a Bumiputera organisation and as such the qualification for shares at par when important share issues were made by M.I.S.C. and capital investments were made and because of this we were offered shares and we were proud of the fact that we were able to accept these because we have the funds to buy because our finance is very sound. The Honourable Member said in the course of his speech that because we have \$10.10 million plus surplus in the operating budget he said that if we start buying shares we would become bankrupt.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I didn't use the word.

Ketua Menteri: Mr Speaker, I realise that the Honourable Member is allergic to the word and allergic to many words by what he said. He doesn't even understand that in this Dewan as at this date we now have an operating budget. We have a budget for development and now we have the Penang Development Corporation which has

taken over the responsibility of these shares, the debts which were entailed by the State Government. Let us say that the Penang Development Corporation over a period of 3½ years has taken over the responsibility of discharging the loan commitments of the State and these loan commitments total approximately \$22,000,000 for Prai and Bagan Serai and \$12,000,000 for the Bayan Lepas Industrial Estate. Now, for the first two loan commitments, the Penang Development Corporation shall pay on behalf of the State Government a total of over \$4,400,000. Every year from now on they discharge our loan charges as well as our interest charges for the loan commitments that were made by the State Government. Tuan Speaker, Sir, everyone else in the country looking through the record or the Financial Report of the P.D.C. considered this to be a major achievement. The Honourable Member for Bagan Jermal does not think so. He is entitled to his own opinion, must follow the replies of His Excellency, the Governor and exercise that self discipline so that he can be a better leader of the people and lead the people with greater understanding and not cause misunderstanding and greater confusion of the people simply because he is allergic to so many things and also because he doesn't quite understand that language.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, kita telahpun mendengar ucapan yang telah disuarakan oleh wakil-wakil dalam Dewan ini, terutama sekali Ahli dari Kawasan Bagan Jermal dan juga Ahli dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam dan juga telah mendapat jawapan daripada Ahli Kawasan Ayer Itam dan Ahli Kawasan Bayan Lepas. Kita juga telah mendengar ucapan Ahli daripada Kawasan Butterworth. Dan baru sekejap tadi, kita telah mendengar ucapan dan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Jadi sekarang jelaslah kepada kita bahawa ucapan yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor itu adalah satu ucapan yang paling baik dan ber-

nas sekali dan patutlah kita sebagai rakyat Negeri Pulau Pinang ini menerima dengan sebegitu baik. Dan dalam hujah-hujah yang telah diberikan oleh wakil daripada kawasan Bagan Jermal dan juga daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam itu telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, dan tidak perlulah saya menjawab dengan lebih lanjut kerana jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah satu jawapan yang baik dan di sini, Datuk Speaker, saya hanya menggulang kembali Usul yang telah saya tekankan pagi tadi. Dan dalam soal pengulangan ini, saya sekali lagi membawa Usul ini dibentangkan kepada Dewan, dan meminta ianya diluluskan.

Sekian, terimakasih.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.20 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.50 petang.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, I wish to make a clarification.

There are some misunderstandings arising from the last Motion of Thanks to His Excellency's Gracious Speech as amended by this note of amendment. For record purposes, Tuan Speaker—dengan izin—I wish to withdraw the last sentence of my speech whereby I did not support the Motion.

(B) Usul oleh Yang Berhormat Datuk Teh Ewe Lim.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Yang Dipertua, saya bangun untuk mencadangkan satu Usul.

Usul ini di atas nama saya bertujuan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat mengikut Peraturan Mesyuarat 109. Usul ini berbunyi seperti berikut :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat, Pulau Pinang:

1. Yang Berhormat Tuan Speaker (*Pengerusi*).
 2. Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.
 3. Yang Berhormat Encik S.P. Chelliah, J.P.
 4. Yang Berhormat Encik T. Subbiah.
 5. Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.
 6. Yang Berhormat Encik C.Y. Choy.
- dan Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya."

Jawatankuasa ini akan menguruskan semua perkara mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Sebarang cadangan bagi pindaan-pindaan atas Peraturan Mesyuarat hendaklah dirujuk dengan sewajarnya kepada Jawatankuasa ini untuk pertimbangan dan perakuan-perakuan. Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa yang dilantik di bawah Peraturan Mesyuarat 109 (1). Oleh itu, Ahli-ahlinya telah dipilih untuk menentukan, setakatmana yang boleh, terdapatnya perimbangan di antara pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang di dalam Dewan ini.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(C) Usul oleh Yang Berhormat Encik Khoo Kay Por.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan Usul di atas nama saya yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang Yang Keempat:

1. Yang Berhormat Tuan Speaker (*Pengerusi*).
2. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.
3. Yang Berhormat Encik David Chooing Ewe Leong, A.M.N.
4. Yang Berhormat Encik Wong Chooing Woh, J.P.
5. Yang Berhormat Dr Choong Sim Poey.
6. Yang Berhormat Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.
7. Yang Berhormat Encik Ong Yi How.

dan Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalah-risalah dan melapurkan kepada Dewan dari semasa ke semasa."

Datuk Speaker, saya ingin menerangkan kepada Dewan bahawa tugas-tugas Jawatankuasa ini, khasnya untuk menimbangkan semua perkara-perkara yang melibatkan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan Dewan. Sebarang pengaduan, misalnya, tentang pelanggaran sesuatu keistimewaan atau percanggahan syarat-syarat Dewan ini oleh seseorang ahli atau lain-lain orang yang terlibat oleh Jawatankuasa ini yang akan menyiasat perkara itu serta membuat laporan mengenainya kepada Dewan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Datuk Speaker, pembentukan Jawatankuasa ini adalah dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 109. Oleh itu, adalah perlu bahawa satu perimbangan di antara pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang hendaklah digambarkan dalam kandungan Jawatankuasa ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya Jawatankuasa ini mengandungi tujuh orang ahli bagi memenuhi maksud ini dan supaya Yang Berhormat Tuan Speaker sendiri menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini kerana menurut Jawatan Tuan Speaker, tuan mempunyai hubungan yang paling rapat dengan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan Dewan. Adalah juga dicadangkan supaya Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalah-risalah yang perlu dan ianya hendaklah membuat laporan kepada Dewan dari semasa ke semasa.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):

Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya bukan hendak ambil bahasan dalam Usul ini. Tetapi saya minta keterangan dari Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Jermal: Adakah beliau benarkan kegunaan nama yang dipanggil Encik Ong Yi How yang ada dalam Usul ini?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya terima.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(D) Usul oleh Yang Berhormat Encik S. P. Chelliah.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah): Datuk Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik semula sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang Yang Keempat:

1. Yang Berhormat Tuan Speaker (*Pengerusi*).
2. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.
3. Yang Berhormat Encik Khoo Teng Chye.
4. Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee.
5. Yang Berhormat Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.
6. Yang Berhormat Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.
7. Yang Berhormat Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

Datuk Yang Dipertua, dasar utama Jawatankuasa ini ialah menolong dan menasihatkan Yang Berhormat Datuk Speaker mengenai semua perkara-per-

kara yang melibatkan kemudahan dan kesenangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan Mesyuarat 109 dan oleh yang demikian keahliannya dipilih untuk menunjukkan perimbangan di antara Kerajaan dan Ahli-ahli Pembangkang Dewan ini. Oleh itu saya minta Dewan ini supaya meluluskan Usul saya dengan sebulat suara.

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(E) Usul oleh Yang Berhormat Encik David Choong Ewe Leong.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong): Datuk Yang Dipertua, Usul di atas nama saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya orang-orang yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat, untuk mengkaji kira-kira dan laporan-laporan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 109A (1) dan untuk membuat segala laporan-laporan mengenainya kepada Dewan sepertimana yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa:

1. Yang Berhormat Encik Khoo Teng Chye (*Pengerusi*).
 2. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.
 3. Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee.
 4. Yang Berhormat Encik C.Y. Choy.
- dan Pengerusi serta dua orang Ahli-ahli akan membentuk satu korum.”

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua Dewan, saya, wakil Penanti, mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(F) Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyusulkan:

“Bahawa Persidangan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak Ringgit Seratus Lima puluh Ribu sahaja (\$150,000) yang tercatat dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Pertama, 1975, dibentangkan sebagai Kertas Persidangan Dewan Undangan Bilangan 3 tahun 1975 dan memersetujui bahawa perbelanjaan tersebut boleh digunakan sebagai yang diterangkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Pertama, 1975 itu.”

Datuk Yang Dipertua, Usul ini ialah tertakluk kepada kehendak Seksyen 4 (2) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 yang menghendaki Kerajaan Negeri berbuat demikian melalui Seksyen 9 Akta tersebut.

Tujuan Usul ini ialah untuk mendapatkan kelulusan dari Majlis Persidangan bagi membelanjakan wang sebanyak \$150,000 untuk Kerja-kerja Memperbaiki Kawasan Taliair Juru dan maklumat-maklumat lanjut boleh didapati dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Pertama, 1975 yang dibentangkan dalam Persidangan ini sebagai Kertas Bilangan 3 berserta dengan nota-nota keterangan.

Peruntukan sebanyak \$150,000 ini di bawah Kepala-kecil baru adalah untuk menemui perbelanjaan-perbelanjaan pembinaan sebuah terusan baru, tiga buah terusan kecil, dua buah pintu kawalan air dan struktur-struktur lain yang berkaitan termasuk kerja-kerja memperbaiki parit-parit yang sedang ujud dalam Kawasan Padi Juru di Seberang Perai yang mengandungi lebih-kurang 600 ekar.

Rancangan ini adalah di bawah Rancangan Pengimbuhan semula Kerajaan Persekutuan dan jumlah perbelanjaan dianggarkan sebanyak \$500,000. Apabila Rancangan ini siap, ia akan membolehkan tanaman padi dua kali setahun dan akan membantu petani-petani mendapatkan tuai padi lebih-kurang 850 gantang seekar setahun berbanding dengan 200 gantang seekar setahun yang mereka dapati sekarang. Serentak itu juga pengeluaran padi dalam kawasan itu akan bertambah kerana kerja-kerja

baru ini akan lama-kelamaan mengurangkan ketidaksurutan tanah itu. Rancangan ini juga akan dapat memberikan kemudahan pengangkutan yang lebih memuaskan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan untuk menghantar hasil tanaman dan tangkapan-tangkapan mereka dengan adanya kemudahan-kemudahan jalan.

Datuk Yang Dipertua, saya mengambil peluang di sini menunjukkan bagaimana Kerajaan Negeri menjalankan dengan tegas projek-projek yang dibawa oleh rakyat, sebab ini satu projek. Sungguhpun perbelanjaan berjumlah \$500,000 tetapi sebab projek semacam ini kita mestilah mengambil sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dan bila projek semacam ini dibawa daripada Ahli-ahli yang mewakili rakyat kita atau dari Jawatankuasa Tindakan Daerah, jika perlu dan diluluskan, kita mestilah bawa masalah ini ke dalam Dewan Undangan di mana kita luluskan wang-wang sebanyak ini untuk satu projek, dan kita semua terima untuk digunakan bagi orang-orang di sesuatu tempat khususnya tetapi yang membawa pembangunan untuk rakyat kita keseluruhannya. Saya haraplah ini mendapat sokongan penuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong penuh Usul ini kerana ianya adalah satu Usul yang boleh buat kebaikan—projek kebaikan—kepada rakyat di dalam Kawasan Juru. Di sini saya mendapat tahu perbelanjaan projek ini berjumlah sebanyak \$500,000. Hari ini kita meminta Dewan ini meluluskan sebanyak \$150,000 sahaja, lagi ada \$350,000. Saya ingat, Kerajaan mahu buat satu Usul pada masa akan datang hendak minta satu tambahan tetapi saya mahu tanya, projek ini adakah projek kebaikan kepada rakyat di dalam kawasan itu? Saya harap projek ini adalah baik dan sebab apa Kerajaan

tidak buat cepat sedikit? Buat satu projek bagi siap tahun ini. Sebab apa kita mahu buat projek itu, perbelanjaan sebanyak \$500,000? Sebab apa hendak belanja \$150,000 sahaja? Kalau projek ini yang baik, saya menyokong. Saya haraplah Kerajaan Negeri boleh *look into the matter*—tengok macammana boleh bagi satu projek siap di dalam tahun 1975, kerana itu saya haraplah satu perbelanjaan ialah Rancangan Persekutuan yang diimbuh semula. Ini satu projek yang kita boleh dapat wang balik daripada Kerajaan Persekutuan. Saya mencadangkan kita boleh luluskan semua wang sekali \$500,000 habis. Kita boleh buat satu projek siap dalam tahun ini.

Tuan Speaker, berkenaan Rancangan Persekutuan yang diimbuhkan semula, lagi ada satu projek ialah di *Prai River*—kita mahu tahu *Prai Barrage*. Ini satu projek sudah ditangguhkan atau *delayed* beberapa tahun. Saya haraplah kita ingat akan orang-orang dan *farmers* di kawasan Juru. Dengan izin, we must think of the people living in Permatang Pauh and near the Prai River. So I am hoping that when we think of this project which is a Federal Reimbursement Scheme we also think of that scheme which is the same scheme. Can we take any action to hurry it up so that it will benefit the people around the area? Lagi satu perkara berkenaan projek itu, saya mahu cakap ialah saya mendapat tahu dahulu ada satu projek Sungai Muda.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya beri ingat, kita cuma berbahas dengan ini. Tadi boleh saya benarkan sedikit berkenaan *Prai Barrage*, tetapi kita cuma berbahas berkenaan perkara ini. Itu Yang Berhormat boleh berbahas di lain masa. Untuk peruntukan ini saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I understand, but because it is in connection with the Federal Reimbursement Scheme that is why it is a bit connected.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal, sila duduk kerana kita berbahas peruntukan ini sahaja, bukan kita berbahas lain tetapi

saya benarkan juga sedikit. Oleh kerana itu, saya tidak benarkan dipanjangkan cerita itu lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I am going on regarding the work on this project.

Tuan Speaker: Ya! projek Juru.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Berkenaan dengan projek itu. I am hoping that the officers concerned with this project, especially the work engineers and chemical assistants in charge of this project would really see to the final finish of the work. We have learnt that in many places the J.K.R., Telecoms and Electricity Departments have dug up the roads but did not cover them up properly. We also note that as a result of the Muda Scheme the Sungei Puyu became very bumpy and the drains became choked. Saya haraplah semua pegawai berkenaan dengan projek itu, kalau projek itu sudah siap, tentu mahu tengok semua kerja-kerja dibuat dengan betul, di mana-mana rosak tentu mahu baikkkan balik. Janganlah ini serupa dengan *Muda Scheme* sekarang juga Sungei Puyu, *drain* ini pun tidak boleh jalan. Sebab itu, saya haraplah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bolehlah beritahu pegawai-pegawai berkenaan tentang projek itu dan semua kerja siap dibuat.

Terima kaseh.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun dalam Juru kita telah sampai Permatang Pauh, dan Sungai Puyu dan Kuala Muda dan saya ingat dari Tonga pun di mana orang bodoh pun pandai ingat satu projek yang boleh cepat semacam ini. Saya fikir, Yang Berhormat Encik Ong Yi How, Ahli Kawasan Bagan Jermal faham, kita mestilah jangan jadi budak-budak, tua-tua sampai menjadi seorang wakil rakyat dan pendek kata Datuk Yang Dipertua, ini satu projek yang Kerajaan Negeri jalankan dengan tegas sekali dan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan faham ini satu projek yang mesti berjalan dengan licin sebab *Engineering* bukan satu projek semacam lampu Aladdin yang dan-dan diluluskan dan kita adakan. Dan kita menjaga

wang perbelanjaan dalam Negeri sebablah kita kira dalam tahun ini, kita boleh belanja sampai \$150,000 dan ini digunakan dalam tahun ini. Kalau kita belanja lebih tetapi tidak belanja semua nanti Yang Berhormat Encik Ong Yi How, Ahli Kawasan Bagan Jermal datang ke sini dan soal—kita tidak jalan tugas. Saya haraplah ini satu projek rancangan yang kita boleh sedia mengikut *schedule*.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(G) Usul oleh Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah menerima sepucuk surat daripada Kementerian Pelajaran, meminta supaya Dewan ini melantik seorang wakil atas Jumaah Universiti Malaya mengikut Seksyen 13 (k) perlembagaan dan Statut II Universiti tersebut memandangkan bahawa tempoh perlantikan Ahli yang ada sekarang iaitu Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh akan tamat pada 31hb April, 1975.

Seksyen 13 (k) Perlembagaan Universiti Malaya berbunyi seperti berikut:

"13. Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan sebagaimana ditetapkan oleh Statut."

Statut II (Siri Baru) berkenaan dengan seksyen yang tersebut di atas memperuntukkan seperti berikut:

"Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada:

(iii) seorang wakil tiap-tiap Badan Perundangan Negeri yang dilantik oleh Badan Perundangan itu."

Datuk Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat akan ingat bahawa di Persidangan pada 17hb Disember, 1974, Dewan ini telah meluluskan satu ketetapan di mana Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh telah dilantik sebagai wakilnya atas Jumaah Universiti Malaya bagi tempoh mulai daripada tarikh perlantikan sehingga 30hb April,

1975 selanjutnya ketetapan ini telah diberitahu kepada Kementerian Pelajaran dan Universiti Malaya. Sekarang ini, Kementerian telah memberitahu bahawa tempoh perlantikan Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh akan tamat pada 30hb April, 1975 dan telah meminta Dewan ini melantik seorang wakil bagi tempoh selama tiga tahun mulai 1hb Mei, 1975.

Datuk Speaker, saya dengan sewajarnya mencadangkan—

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh hendaklah dilantik semula sebagai wakil Dewan ini atas Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II (Siri Baru) Universiti Malaya bagi satu tempoh 3 tahun mulai dari 1hb Mei, 1975."

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye): Datuk Speaker, saya mohon menyokong Usul itu.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

(H). Usul oleh Yang Berhormat Encik T. Subbiah:

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, bagi pihak Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, saya mohon mencadangkan Usul di atas nama saya yang berbunyi:

"Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang telah dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 7 tahun 1975, disahkan oleh Dewan ini."

Datuk Yang Dipertua, terdapat beberapa pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dicadangkan oleh Jawatankuasa. Kesemua pindaan ini adalah disediakan sepenuhnya dalam Laporan bersama-sama dengan alasan-alasan bagi pindaan-pindaannya. Oleh hal yang demikian, saya tidak bercadang untuk membaca pindaan-pindaan itu sekali lagi, tetapi sukacita menyatakan bahawa saya bersedia untuk memberi sebarang keterangan yang mungkin akan diminta oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat semasa saya memberi jawapan nanti.

Akan tetapi, saya ingin menarik perhatian kepada salah satu perakuan Jawatankuasa iaitu bahawa tertakluk

kepada pemakaian Lapuran oleh Dewan, deraf Pemberitahu yang meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat untuk disiarkan dalam *Warta Kerajaan* hendaklah disediakan oleh Yang Arif Penasihat Undang-undang dan juga Setiausaha Dewan tanpa rujukan selanjutnya kepada Jawatankuasa. Oleh itu, selepas sahaja Lapuran ini diluluskan oleh Dewan pada hari ini, Yang Arif Penasihat Undang-undang dan Setiausaha Dewan bolehlah meneruskan merangka pindaan peraturan-peraturan yang telah diberi dan disiarkannya dalam *Warta Kerajaan* dengan secepat mungkin.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

7. PENANGGUHAN.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Yang Dipertua, saya sokong cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon izin mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan dalam persidangan pada hari ini dan menyentuh beberapa perkara terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi dalam kawasan-kawasan yang diwakili oleh saya sendiri.

Datuk Yang Dipertua, pada masa ini yang pertama sekali ialah mengenai bekalan letrik. Walaupun pada hari ini telah banyak bekalan-bekalan letrik dijayakan oleh pihak Kerajaan, tetapi untuk pengetahuan Dewan ini, dalam kawasan saya sendiri boleh dikatakan ada lagi kampung-kampung yang belum mendapat bekalan tersebut. Walaupun kita telah membuat pertanyaan-pertanyaan dan kita mendapat tahu bahawa

kelulusan telahpun diperolehi dalam tahun 1973, misalnya, tetapi sehingga sekarang ini pelaksanaan itu belum dibuat lagi.

Demikian juga, Datuk Yang Dipertua, mengenai bekalan air minum yang mana pada hari ini pada keseluruhannya bolehlah dikatakan terdapat banyak kampung-kampung ataupun daerah-daerah yang telah dibekalkan dengan bekalan-bekalan air minum tetapi masih ada lagi kampung-kampung yang telah mengemukakan permohonan-permohonan mereka kepada Kerajaan untuk diberi bekalan air minum tetapi telah tergendala dan belum mendapat kelulusan. Dan saya sangat berharap supaya kampung-kampung yang telah dimajukan permohonan-permohonan untuk bekalan air ini mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Di samping itu, Datuk Yang Dipertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai nelayan-nelayan kecil yang ada di Pulau Pinang ini khususnya. Pihak Kerajaan *Federal*—Kerajaan Pusat—telahpun mengarahkan supaya persatuan-persatuan nelayan ini ditubuhkan di seluruh Negara kita ini dan juga pihak Kerajaan Pusat telahpun mengadakan sebuah Perbadanan iaitu Maju-ikan dan sebagainya. Adalah diharapkan, Datuk Yang Dipertua, kalau boleh, Kerajaan Negeri juga mengambil satu daya utama ataupun menubuhkan satu Jawatankuasa yang menguasai hal-hal nelayan kita yang ada pada hari ini dari segi bantuan dan sebagainya.

Setakat inilah sahaja Datuk Yang Dipertua, ucapan saya dalam penangguhan ini. Terimakasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengambil bahagian dalam menyampaikan ucapan penangguhan ini.

Dalam perkara yang pertama, mengenai kajian semula Undang-undang Kecil Bangunan. Saya amat tertarik hati dengan usaha yang telah dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan bagi menyusun semula rancangan-rancangan perumahan supaya mendapat kedudukan yang baik. Tetapi dalam usaha-usaha ini patutlah pihak Kera-

jaan ataupun pihak Lembaga mengambil satu peringatan supaya mengkaji semula Undang-undang Kecil Bangunan mengenai pelan-pelan rumah di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, oleh sebab itu kebanyakan penduduk-penduduk di Kawasan Nibong Tebal dan kawasan-kawasan pendalaman merasa kurang senang di atas undang-undang yang telah dibuat pada hari ini dan saya berharap supaya Lembaga ini akan dapat membuat satu undang-undang yang lebih sesuai bagi kemudahan-kemudahan rakyat di kawasan luar bandar.

Yang kedua, Datuk Yang Dipertua, saya berasa sukacita bahawa Kerajaan Negeri kita telahpun menyusun rancangan-rancangan pembangunan yang pesat di kawasan-kawasan luar bandar. Namun demikian, di daerah Seberang Perai Selatan banyak lagi kawasan-kawasan ataupun jalan-jalan yang kita belum dapat membaiki. Tetapi bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan, mereka berasa sukacita oleh sebab kita telah mendapat peruntukan hampir-hampir \$100,000 untuk menjayakan rancangan luar bandar dan saya berharap supaya rancangan ini akan dapat ditambah lagi oleh sebab banyak lagi jalan-jalan dalam kampung belum lagi diperbaiki.

Satu perkara yang sangat-sangat diharapkan oleh penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan iaitu di kawasan Sungai Acheh yangmana ada rancangan pembangunan luar bandar iaitu bekalan api di kawasan Jalan Baru, Sungai Acheh dan Pantai Pinang yangmana rancangan ini telahpun diuruskan oleh Kerajaan semenjak tahun 1972. Akan tetapi, rancangan-rancangan ini belum lagi siap dijalankan oleh sebab bekalan-bekalan tidak sampai ataupun tidak mencukupi. Saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya dapat mempercepatkan rancangan ini.

Yang ketiga, dalam memproseskan tanah-tanah Tumpangan Sementara, sepatutnya juga mendapat perhatian daripada Kerajaan supaya permohonan untuk mendapatkan Lesen Tumpangan Sementara dapat dijalankan ataupun dapat diproseskan dengan lebih cepat lagi.

Yang keempat, saya amat tertarik hati dengan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai rancangan Buku Hijau yangmana pada peringkat awal ataupun peringkat permulaan pihak rakyat telahpun menyahut dengan baik rancangan ini. Tetapi kita merasa dukacita oleh sebab Negeri kita kekurangan tanah. Maka dalam rancangan jangka panjang rakyat tidaklah dapat menyaui dengan lebih baik oleh sebab Negeri kita kekurangan tanah. Dan saya berharap kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil ataupun membuat satu kajian atas tanah seluas 320 ekar di kawasan Sungai Acheh dan Sungai Chenaham yangmana pada pendapat penduduk-penduduk di kawasan itu tanah ini sudah boleh digunakan. Saya berharap kepada Kerajaan supaya membuat satu kajian dan dapat melaksanakan rancangan pembukaan tanah yang seluas 320 ekar di kawasan Sungai Acheh dan Sungai Chenaham.

Yang kelima, selain daripada itu, saya sukalah menarik perhatian Kerajaan, melalui rancangan bekalan air di bawah P.B.A., supaya dapat memproseskan pinjaman ini lebih cepat oleh kerana rakyat di kawasan luar bandar sangat dahagakan bekalan air. Jadi, dengan adanya rancangan yang telah diusahakan oleh Kerajaan bagi pinjaman kepada penduduk-penduduk yang berkehendakkan pinjaman itu, saya merayu supaya perkara ini dapat dipercepatkan.

Itulah sahaja Datuk Yang Dipertua, yang dapat saya sampaikan untuk mendapat perhatian pihak Kerajaan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, saya bangun untuk menjawab sedikit sebanyak apa yang telah diucapkan oleh kedua orang Ahli yang telah memberi ucapan penangguhan.

Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Penaga kerana telah menunjukkan pandangan-pandangan beliau dan mengambil berat di atas perkara kebajikan penduduk-penduduk di luar bandar dan kaum nelayan khususnya mereka-mereka yang

tinggal di Padang Temusu, Kampong Lembah dan Guar Kepah di kawasan Paya China.

Mengenai perkara bekalan letrik di luar bandar, saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kelewatan dalam melaksanakan projek-projek ini sekarang—bekalan letrik yang telah diluluskan—ialah disebabkan oleh kekurangan pembekalan alat-alat seperti tiang-tiang, dawai-dawai dan begitu juga *cabie* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Maklum sahajalah sesuatu yang hendak dilaksanakan itu terpaksa disediakan alat-alat yang berkaitan dengannya. Oleh itu, perkara yang berkaitan dengan ini terpulanglah kepada pihak Lembaga Letrik Negara. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap projek-projek yang telah diluluskan seperti itu supaya projek-projek itu dapat disiapkan dengan seberapa segera.

Mengenai bekalan-bekalan air minum yang telahpun dibekalkan sebanyak \$200,000 dalam anggaran yang diperuntukkan bagi tahun ini, 1975, yangmana peruntukan bekalan air minum ini adalah meliputi kawasan-kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kerajaan memang sedar iaitu kedua-dua perkara itu adalah memang penting—air dan letrik, kerana letrik berguna untuk malam dan air ini satu perkara yang mustahak—maka sebab itulah peruntukan-peruntukan itu diadakan.

Mengenai panduan dan bantuan kepada nelayan, Kerajaan Pusat telahpun membentuk sebuah Jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji masaalah-masaalah nelayan termasuklah masaalah-masaalah nelayan bagi Negeri Pulau Pinang. Masaalah nelayan ini merupakan satu perkara yang sangat besar yang terpaksa kita fikirkan dengan secara halus dan Kerajaan juga khasnya Kerajaan Pulau Pinang memandang berat atas perkara itu. Bidang tugas Jawatankuasa ini termasuklah juga meninjau cara-cara bagaimana taraf hidup nelayan-nelayan yang berpendapatan kecil dapat diperbaiki. Oleh itu, sebuah Jawatankuasa yang lain tiadalah perlu ditubuhkan lagi oleh Jawatankuasa Negeri.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan ucapan penangguhan yang diucapkan oleh Ahli daripada Penaga itu maka itulah jawabannya. Maklum sahajalah kita patut sedar—diibaratkan di antara bapa dengan anak. Anak mudah mencintai tetapi bapa susah hendak mengikuti untuk menunaikan kehendak anak. Itulah yang diibaratkan di antara Kerajaan dengan rakyat. Tetapi walaupun bagaimanapun, bapa begitu kasih kepada anak, begitu juga rakyat dengan Kerajaan. Kerajaan sedar sepanjang masa tetapi bagi melaksanakan sesuatu itu tentu berkaitan dengan banyak perkara yang lain.

Bagi menjawab ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Acheh, Datuk Speaker, saya ucapkan berbilang-banyak terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Acheh kerana ucapan penangguhan yang telah disampaikan dalam Dewan ini.

Mengenai perkara ulang kaji Undang-undang Kecil Bangunan, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa kawalan bangunan telah dikenakan kepada seluruh Negeri pada 29hb April, 1971. Dan ini telah dibuat selepas pertimbangan yang teliti. Tujuan utama memanjangkan kawalan bangunan ke seluruh Negeri ialah bagi mendapat penggunaan tanah yang wajar di seluruh Negeri. Ini bukan sahaja akan membolehkan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan mengadakan kawalan-kawalan yang lebih baik dan elok mengenai pembangunan tetapi ia juga akan menjaga orangramai daripada ditindas oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan di masa yang sama memperbaiki keadaan untuk kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Masaalah ini memang masaalah rumit yang terpaksa dijalankan oleh sesuatu itu dengan teliti dan halus.

Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang dan Seberang Perai telah menubuhkan satu sekim di mana orang-orang kampung yang benar-benar berhasrat untuk membina rumah-rumah kampung diberi kemudahan-kemudahan yang istimewa dan tertentu untuk menolong mereka. Oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Acheh untuk mem-

beritahu orang-orang yang berkaitan supaya mereka mengambil kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di Negeri ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan segala rayuan-rayuan dalam ucapan penangguhan, apa yang didapati di sini, hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya perkara itu tidak terputus dan orangramai dapat mengetahu.

Mengenai perkara-perkara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat mengenai pelaksanaan projek-projek pembangunan, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa projek-projek letrik seperti dijalankan di Jalan Baru, Sungai Aceh, Permatang Pinang dan Parit Kasar telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan pada masa ini sedang dilaksanakan. Penangguhan dalam pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh kekurangan alat-alat seperti tiang dan *wire*, sepertimana yang saya telah jawab dalam ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli daripada Penaga itu kerana kedua-dua perkara itu lebih-kurang semacam itu juga. Begitu juga mengenai bekalan air yang telah di-untukkan lebih-kurang sebanyak \$200,000 seperti jawapan yang telah saya berikan kepada ucapan Ahli daripada Penaga.

Mengenai perkara pemindahan dalam memproses perumahan-perumahan dan Lesen-lesen Tumpangan Sementara,

saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa permohonan-permohonan tersebut kenalah diproseskan dengan teliti dan pandangan-pandangan daripada jabatan-jabatan yang lain mestilah diperolehi sebelum keputusan-keputusan boleh dibuat dalam memproseskan perumahan-perumahan tersebut. Sudah tentulah terdapat sedikit sebanyak masa yang diambil terutama sekali di mana perumahan-perumahan yang bertentangan dibuat.

Jawatankuasa Tanah dalam mesyuarat-mesyuarat Kerajaan selalu mengadakan mesyuarat-mesyuarat dari semasa ke semasa dan juga memandangkan perkara yang diambil samada hendak meluluskan ataupun tidak Lesen-lesen Tumpangan Sementara itu. Kelulusan tahunan Lesen Tumpangan Sementara adalah bertambah ke 173 dalam tahun 1974, berbanding dengan 123 dalam tahun 1973.

Mengenai rancangan-rancangan yang berkaitan dengan ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli daripada Sungai Aceh tadi, pihak Kerajaan akan mengambil perhatian supaya dapat dilaksanakan apa-apa kehendak yang disampaikan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu kerana di antara masaalah itu adalah lebih-kurang serupa samada ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli daripada Penaga atau Ahli daripada Sungai Aceh. Terimakasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.